

## **KOMUNIKASI PENSYARAH KOLEJ KOMUNITI LEDANG DALAM PERLAKSANAAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**

Zurani Buang<sup>1</sup>& Mimi Mohaffyza Mohamad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Pendidikan Kejuruteraan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Batu Pahat, Malaysia  
[mimi@uthm.edu.my](mailto:mimi@uthm.edu.my)

### **Abstrak**

*Komunikasi berkesan sangat penting dalam kehidupan terutamanya dalam bidang pembelajaran. Secara umum, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti penguasaan komunikasi interpersonal dalam pembelajaran sepanjang hayat, dalam kalangan pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Ledang, Johor. Secara khususnya kajian ini melihat dari 3 aspek utama komunikasi iaitu kemahiran interpersonal, komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Seramai 36 orang responden telah dipilih untuk menjawab borang soalselidik yang diedarkan. Mereka terdiri daripada pensyarah Kolej Komuniti Ledang, Johor. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan skor min dan purata. Dapatkan kajian menunjukkan pensyarah Kolej Komuniti Ledang menguasai kemahiran komunikasi pada tahap sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam penguasaan komunikasi dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang yang berdasarkan kelulusan akademik mereka. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi interpersonal dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang yang boleh dilaksanakan untuk kajian akan datang.*

**Kata kunci:** *Kemahiran Interpersonal, Komunikasi Lisan dan Komunikasi Bukan Lisan*

### **Abstract**

*Effective communication is very important in life especially in the field of learning. In general, this study was conducted to identify the interpersonal communication skills in lifelong learning, among lecturers of Ledang Community College, Johor. In particular, this study looks at three main aspects of communication namely interpersonal skills, verbal communication and non verbal communication. A total of 36 respondents were selected to answer the questionnaire distributed. They comprise the lecturer of Ledang Community College, Johor. The data were analyzed using mean and average score. The findings show that lecturers of Ledang Community College master the communication skills at a moderate level. The findings also show that there is no significant difference in the mastery of communication among lecturers of Ledang Community College based on their academic qualifications. Some suggestions have also been proposed to enhance interpersonal communication skills among Ledang Community College lecturers who can be implemented for future studies.*

## **1.0 PENGENALAN**

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja. PSH telah diperkenalkan oleh UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa Bersatu) lebih 30 tahun yang lalu (Badarudin, 2014). Malah pihaknya juga telah mendeklarasikan 1996 sebagai ‘Lifelong Learning Year’ (Sharifah Masitah et al., 2014). Menghayati PSH merupakan lonjakan ketiga daripada sepuluhlonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Kewujudan Kolej Komuniti sebagai hub PSH kepada komuniti setempat bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang tertentu (Syarifah Masitah et al., 2014). Di Kolej Komuniti Ledang (KKLJ), PSH dijalankan melalui kursus pendek yang ditawarkan dan dilaksanakan dalam pelbagai bidang (kluster). Kursus yang banyak mendapat permintaan daripada komuniti adalah dalam kluster hospitaliti (Syahrir et al. 2011). Pelaksanaan kursus pendek di KKLJ adalah berdasarkan permintaan masyarakat setempat, kemahiran tenaga pengajar dan kemudahan yang telah tersedia. Pelbagai program promosi dan pameran dilaksanakan bagi menarik penyertaan peserta kursus yang dijalankan di sekolah-sekolah, jabatan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan tempat-tempat awam.

Memandangkan peserta PSH terdiri daripada pelbagai latarbelakang yang berbeza, maka pensyarah yang mengajar perlun memiliki kemahiran komunikasi yang berkesan agar proses pembelajaran dapat dijalankan dengan baik. Komunikasi merupakan keperluan hidup agar individu dapat berhubung dengan orang lain. Komunikasi antara kita dengan orang lain dipanggil komunikasi interpersonal. Kemampuan komunikasi interpersonal akan mempengaruhi konsep kendiri seseorang. Cara individu berinteraksi akan memberi persepsi tertentu kepada orang lain terhadap dirinya. Persepsi orang lain merupakan penilaian terhadap diri individu tersebut (M.A. Muzzammil & Kamariah, 2017). Oleh itu, pensyarah perlu memiliki ilmu berkaitan komunikasi interpersonal bagi memudahkan mereka menguruskan peserta PSH yang datang.

### **1.1 Penyataan masalah**

Pensyarah perlu memiliki kemahiran komunikasi interpersonal secara khususnya untuk menarik lebih ramai peserta PSH untuk datang ke KKLJ. Komunikasi yang efektif bukan sahaja dapat membantu kita menyelesaikan masalah tetapi juga membantu dalam memperbaiki perhubungan (Mohd Safiee et al., 2008). Komunikasi interpersonal merupakan elemen penting dalam proses PdPkhususnya semasa melaksanakan kursus pendek bersama komuniti yang berbeza latar belakang. Kebolehan pensyarah menyampaikan maklumat dengan jelasserta bebas daripada kekeliruan boleh mengelak berlakunya konflik dan salah faham serta membangkitkan perasaan saling mempercayai antara satu sama lain. Antara faktor yang menyebabkan ketidakberkesanan komunikasi ialah pensyarah tiada kemahiran komunikasi. Selain daripada itu, kurang kemesraan, kurang keprihatinan antara pensyarah dan peserta kursus PSH menimbulkan masalah kurang komitmen dan ketidakpuasan kerja pensyarah.

Berdasarkan pernyataan di atas, kajian ini cuba mengenalpasti masalah-masalah berkaitan penguasaan kemahiran komunikasi pensyarah PSH di KKLJ. Fokus utama kajian ini adalah komunikasi interpersonal yang akan dilihat melalui dua jenis komunikasi interpersonal yang penting iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan yang juga akan dilihat dari aspek kemahiran komunikasi interpersonal yang perlu ada pada seseorang pensyarah itu untuk membolehkannya membina keyakinan ketika berkomunikasi. Pengkaji melihat kajian ini penting

dalam meningkatkan kualiti pendidikan terutamanya dalam perlaksanaan PSH di KKLJ. Persoalannya ialah sejauh manakah pensyarah telah menggunakan teknik komunikasi interpersonal dan keberkesanannya bagi mendapatkan komitmen peserta di KKLJ? Maka pengkaji ingin melihat sejauhmana penguasaan kemahiran interpersonal, komunikasi lisan dan bukan lisan di kalangan pensyarah PSH di KKLJ.

## **1.2 Objektif Kajian**

Objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenalpasti tahap kemahiran interpersonal dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) PSH.
- ii. Mengenalpasti tahap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH
- iii. Mengenalpasti tahap kemahiran komunikasi bukan lisan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH
- iv. Mengenalpasti perbezaan tahap komunikasi interpersonal dalam pengajaran berdasarkan kelulusan akademik dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH

## **1.3 PersoalanKajian**

- i. Apakah tahap kemahiran interpersonal dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) PSH?
- ii. Apakah tahap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH?
- iii. Apakah tahap kemahiran komunikasi bukan lisan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH?
- iv. Apakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap komunikasi interpersonal berdasarkan kelulusan akademik dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH?

## **1.4 Skop kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana penguasaan kemahiran interpersonal pensyarah di KKLJ. Sampel yang dipilih adalah pensyarah di KKLJ yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan kursus PSH di KKLJ.

## **1.5 Kepentingan kajian**

Kajian ini dijalankan untuk membantu pihak pengurusan Kolej Komuniti secara amnya dan KKLJ secara khususnya agar dapat memperbaiki kelemahan yang wujud dalam kemahiran komunikasi interpersonal di kalangan pensyarah PSH di KKLJ. Kajian ini juga bertujuan mempertingkatkan lagi tahap kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah PSH di KKLJ.

Dapatkan kajian ini diharap dapat meningkatkan lagi kemahiran komunikasi interpersonal pensyarah PSH di KKLJ dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan mereka dengan peserta PSH di KKLJ.

## 2.0 PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DI KOLEJ KOMUNITI DAN ELEMEN KOMUNIKASI


Kolej Komuniti merupakan salah satu pusat latihan yang diberikan tanggungjawab oleh kerajaan Malaysia bagi membangunkan modal insan di negara ini melalui pembelajaran sepanjang masa dan pembelajaran sepanjang hayat. Bagi menyediakan pendidikan dan latihan kemahiran kepada semua peringkat masyarakat untuk membangunkan modal insan negara, kerajaan telah menubuhkan Kolej Komuniti pada tahun 2001. Seterusnya mengisyiharkan kolej komuniti sebagai hub pendidikan sepanjang hayat di negara ini dengan memberikan latihan peningkatan kemahiran, latihan pemantapan kemahiran dan latihan sangkutan. Konsep pembelajaran sepanjang hayat adalah dalam bentuk formal dan tidak formal seperti dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Adaptasi dari Konsep Pendidikan Sepanjang Hayat Di Kolej Komuniti. Sumber: Laporan Kajian Peranan Kolej Komuniti KPM Kepada Masyarakat Setempat (JPP, 2013)

Sepanjang perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti terdapat halangan yang dapat dikesan terutama dalam proses pengurusannya. Antaranya adalah kualiti

penyampaian kepada kumpulan sasaran (Razzatul et al, 2014). Pernyataan ini turut disokong oleh dapatan kajian Jamunarani,(2014) dan Azreen& Fahimah, (2014) iaitu penyampaian yang melibatkan komunikasi dilihat sebagai salah satu faktor menjadi penghalang kepada maklumat yang tidak lengkap menjadikan ia halangan kepada kualiti penyampaian yang lemah.Hashim,(1995), melihat kepada jenis komunikasi yang berlaku komunikasi interpersonal, komunikasi lisan dan bukan lisan sesuai untuk dibincangkan untuk melihat keberkesanan komunikasi antara pensyarah dan kumpulan sasaran pembelajaran sepanjang hayat seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2 Komunikasi Dalam Cabaran PSH

### 3.0 METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Sampel kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Ledang. Populasi kajian adalah seramai 40 orang, manakala sampel kajian adalah seramai 36 orang pensyarah. Pemilihan sampel adalah secara rawak. Daripada 36 orang sampel seramai 13 orang memiliki diploma, 14 orang ijazah sarjana muda dan 9 orang sarjana.

#### 3.2 Instrumen Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Maklumat dan data kajian diperolehi melalui soalselidik skala Likert lima mata dari sangat tidak setuju sehingga sangat setuju.

Instrumen kajian adalah “Interpersonal Communication Skill Inventory” (ICSI) (Bienvenu, 1971) yang telah diterjemahkan dan digunakan oleh Tay (Tay, 2013) dalam kajiannya. Terdapat Bahagian A, Maklumat Diri yang mengandungi 3 soalan dan Bahagian B, Elemen Kemahiran Interpersonal. Bahagian B terbahagi 3 bahagian iaitu Kemahiran Interpersonal 10 item, Komunikasi Lisan mempunyai 18 item dan Kemahiran Bukan Lisan 11 item. Responden memberi respon menggunakan skala likert lima mata dari sangat tidak setuju kepada sangat setuju.

### 3.3 Analisis Data

Data dianalisis menggunakan SPSS Versi 23 dalam bentuk peratus, min dan sisihan piawai. Nilai alpha cronbach sampel adalah .83. Ujian T digunakan untuk mendapatkan nilai perbezaan antara penguasaan komunikasi interpersonal dalam pengajaran berdasarkan kelulusan akademik dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH. Pengkaji telah mengkategorikan tahap kemahiran komunikasi kepada 3 kategori berdasarkan min dari skala likert yang diberikan oleh responen iaitu tinggi, sederhana dan rendah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kategori Tahap Kemahiran

Kategori	Julat Min
Rendah	1.0 - 2.99
Sederhana	3.0 – 3.99
Tinggi	4.0 – 5.00

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

### 4.1 Penguasaan Kemahiran Interpersonal

**Persoalan Kajian 1:** Apakah tahap kemahiran interpersonal dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) PSH.

Berdasarkan kepada analisis data, didapati responden memperolehi skor min keseluruhan adalah 3.44. Berdasarkan Jadual 1 ia menunjukkan kemahiran interpersonal secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana.

Analisa bagi item soalan 10 dalam komponen kemahiran komunikasi interpersoanal iaitu Sering bertanya kepada mereka yang lebih arif jika menghadapi sebarang masalah dengan peserta kursus mencatat min skor yang paling tinggi iaitu 4.31 di mana ia menunjukkan tahap yang tinggi. Manakala soalan 1 iaitu Sering menghadapi masalah komunikasi dengan rakan-rakan pensyarah yang lain telah menunjukkan min skor yang terendah iaitu 2.14. Walaupun skor min yang tertinggi berada pada tahap yang tinggi, tetapi min skor keseluruhan kemahiran komunikasi interpersonal berada pada tahap sederhana disebabkan 7 soalan yang lain berada pada tahap yang sederhana seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Min bagi Kemahiran Komunikasi Interpersonal

No Item	Kemahiran Komunikasi Interpersonal	Skor Min
2	Banyak terlibat dalam aktiviti atau program yang dianjurkan oleh kolej	3.94
3	Suka berkongsi masalah dengan rakan sejawat	3.08
4	Sering menjelaskan sesuatu arahan kerja kepada rakan sejawat dengan terperinci	3.63
6	Suka menyelesaikan sesuatu masalah bersama teman karib sahaja	3.25
7	Suka menyelesaikan masalah secara perbincangan dengan beberapa orang rakan	3.75
8	Suka memberikan pendapat ketika menyuarat	3.44
9	Berbincang secara berkumpulan dapat membantu saya meningkatkan mutu kerja	3.92

Dapatan analisa peratusan yang dilaksanakan bagi julat skor Kemahiran Komunikasi Interpersonal menunjukkan 91.7 % dari responden berada pada tahap yang sederhana, 2.8% tahap rendah dan hanya 5.6% pada tahap yang tinggi.

#### 4.2 Penguasaan Komunikasi Lisan dalam Pengajaran Kursus Pendek

**Persoalan Kajian 2:** Apakah tahap kemahiran komunikasi lisan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH?

Berdasarkan kepada Jadual 3, item soalan 11 mencatatkan skor min yang tertinggi. Item soalan 11 adalah berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang difahami oleh pelajar. 52.8% iaitu 19 orang daripada 36 orang responden mempunyai penguasaan yang sangat tinggi, 36.1% iaitu 13 orang mempunyai tahap penguasaan yang tinggi dan 11.1% iaitu 4 orang mempunyai tahap penguasaan yang sederhan. Secara tidak langsung peratusan yang tertinggi ini menunjukkan responden mempunyai tahap penguasaan sangat tinggi berkaitan item ini. Skor min yang paling rendah adalah mampu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa inggeris iaitu item soalan 18. Seramai 15 orang iaitu 41% responden dapat menguasai penggunaan bahasa inggeris ketika berkomunikasi pada tahap sederhana. 5.6% pada tahap sangat rendah, 13.0% pada rendah, 27.8% pada tahap tinggi dan 11.1% sahaja berada pada tahap sangat tinggi. Dapatan ini, menunjukkan hanya sebahagian sahaja responden yang dapat berkomunikasi dalam bahasa inggeris dengan lancar dalam sesi pengajaran kursus pendek. Walaupun begitu secara keseluruhannya tahap penguasaan komunikasi lisan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang berada pada tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.08. Penguasaan yang tinggi ini disebabkan oleh skor min bagi item yang lain mendapat skor yang tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Min bagi Kemahiran Komunikasi Lisan

No Item	Penguasaan Komunikasi Lisan dalam Pengajaran Kursus Pendek	Skor Min
12	Menghadapi masalah sebutan (seperti gagap, pelat atau sengau)	4.3
13	Sentiasa menggunakan ayat yang sesuai dengan tahap keupayaan peserta	3.9
14	Sentiasa bersemangat menyampaikan pengajaran	4.3
15	Sentiasa menggalakkan interaksi dua hala semasa mengajar	4.3
16	Mampu mempelbagaikan nada suara	4.0
17	Mampu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa melayu	4.4
19	Menguasai kebanyakkannya perbendaharaan kata	3.8
20	Lancar menyampaikan isi pengajaran tanpa merasa teragak-agak	4.1

21	Sentiasa mengemukakan soalan yang mampu merangsang pemikiran peserta	4.1
22	Sentiasa memberikan pengukuhan positif di atas kejayaan peserta (pujian, ganjaran dan penghargaan)	4.0
23	Mampu mengawal gangguan yang dicetuskan oleh peserta semasa proses PdP	4.2
24	Sering menyelitkan unsur-unsur kecindan (humor) bagi mewujudkan suasana ceria	4.1
25	Sentiasa memberikan tumpuan sepenuhnya semasa menyampaikan pengajaran	4.2
26	Sering dapat memotivasi peserta dengan cerita-cerita teladan yang disampaikan	4.0
27	Dapat memulakan kelas dengan set induksi yang dapat menarik perhatian	3.8
28	Sentiasa mengulang-ulang sebutan istilah penting membantu ingatan para peserta	4.0

Dapatkan analisa peratusan yang dilaksanakan bagi julat skor Kemahiran Komunikasi Lisan menunjukkan 36% dari responden berada pada tahap yang sederhana dan 63% adalah mempunyai kemahiran komunikasi lisan yang tinggi.

#### 4.3 Penguasaan Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran

Persoalan Kajian 3: Apakah tahap kemahiran komunikasi bukan lisan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH?

Berdasarkan Jadual 4, item soalan 30 iaitu sentiasa menggunakan eye contact dengan peserta semasa PdP menunjukkan nilai skor min yang paling tinggi iaitu 4.31.3 daripada 36 orang atau 8.3% responden memberikan maklumbalas pada tahap sederhana, 19 orang atau 52.8% memberikan maklumbalas pada tahap tinggi dan 14 orang atau 38.9% memberikan maklumbalas pada tahap yang sangat tinggi dalam penggunaan eye contact semasa melaksanakan proses PdP. Ini menunjukkan responden lebih banyak berkomunikasi dengan peserta kursus menggunakan eye contact.

Item soalan yang paling rendah adalah item 37 iaitu membeliakkan mata apabila marah. Skor min bagi item ini adalah 3.42. 6 orang iaitu 16.67% responden memberi maklumbalas pada tahap sangat tinggi, 13 orang iaitu 36.11% pada tahap tinggi, 8 orang iaitu 22.22 % sederhana, 8 orang iaitu 22.22% pada tahap rendah dan 1 orang daripada 36 orang responden iaitu 2.78% memberi maklum balas pada tahap yang sangat rendah dengan item yang dikemukakan.

Secara keseluruhan min bagi elemen komunikasi bukan lisan berada pada tahap yang tinggi berdasarkan kepada skor min item soalan yang lain seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Min bagi Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan

No Item	Penguasaan Komunikasi Bukan Lisan	Skor Min
29	Sentiasa memastikan diri berada pada tahap yang terbaik	4.28
31	Mampu mengawal tekanan kerja yang dihadapi semasa berhadapan dengan peserta	4.11
32	Mampu mengawal gangguan emosi yang berlaku semasa PdP	4.19
33	Menggunakan bahasa badan / gerakgeri yang sesuai dalam pengajaran	4.19
34	Sentiasa menunjukkan keperihatinan terhadap permasalahan peserta	4.22
35	Menggunakan gerak tangan untuk membayangkan sesuatu semasa PdP	4.28
36	Menggunakan gerak tangan untuk membantu penekanan isi yang disampaikan	4.22
38	Senang tersenyum untuk membuatkan peserta berasa selesa semasa PdP	4.28
39	Mengganggukkan kepala terhadap jawapan yg. diberikan peserta semasa PdP	4.06
40	Sentiasa memastikan jarak atau ruang sosial semasa proses PdP	4.14

Dapatkan analisa peratusan yang dilaksanakan bagi julat skor Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan menunjukkan 41.7 % dari responden berada pada tahap yang sederhana dan 58.3% adalah tinggi.

#### **4.4 Perbezaan Tahap Komunikasi Interpersonal Mengikut Kelulusan Akademik**

Persoalan Kajian 3: Apakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap komunikasi berdasarkan kelulusan akademik dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Ledang semasa melaksanakan proses PdP PSH?

Bagi menjawab persoalan kajian ini, ujian  $t$  dilakukan ke atas maklumbalas responden. Hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $p > .05$ ) antara pensyarah bukan siswazah dengan siswazah dalam komunikasi interpersonal, komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan mereka. Walau bagaimanapun seperti dalam Jadual 5, min bagi pensyarah siswazah lebih tinggi dari pensyarah bukan siswazah bagi ketiga-tiga kemahiran komunikasi yang dikaji.

Jadual 5: Ujian  $t$  Perbezaan Komunikasi Interpersonal Mengikut Kelulusan Akademik

Sub Skala Item	Subjek	Min	Signifikan	$t_{kiraan}$
Kemahiran Interpersonal	Bukan Siswazah	3.42	.778	-.29
	Siswazah	3.46		
Kemahiran Komunikasi Lisan	Bukan Siswazah	3.91	.121	-1.59
	Siswazah	4.18		
Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan	Bukan Siswazah	3.97	.462	-.75
	Siswazah	4.11		

$t_{kiraan} =$  tidak signifikan,  $p > .05$

#### **5.0 RUMUSAN DAPATAN**

Purata min keseluruhan yang diperolehi dalam analisa data bagi persoalan kajian 1,2 dan 3 adalah seperti di dalam Jadual 6.

Jadual 6: Purata Min Setiap Bahagian Dalam Borang Soal Selidik

Aspek Kemahiran Komunikasi	Min	Tahap
Kemahiran Interpersonal	3.44	Sederhana
Kemahiran Komunikasi Lisan	4.08	Tinggi
Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan	4.05	Tinggi
Min Keseluruhan	3.86	Sederhana

Berdasarkan kepada Jadual 6, menunjukkan nilai purata bagi sub skala yang kemahiran interpersonal ialah 3.44. Ia menunjukkan bahawa responden yang terdiri daripada kalangan

pensyarah Kolej Komuniti Ledang mempunyai kemahiran interpersonal yang tinggi. Manakala bagi subskala komunikasi lisan, responden juga menunjukkan tahap keyakinan yang tinggi iaitu nilai skor minnya ialah 4.08. Subskala seterusnya ialah komunikasi bukan lisan. Subskala ini juga mencatatkan nilai skor min yang tinggi iaitu 4.05. Skor min ini adalah skor min yang tertinggi dicatatkan antara ketiga-tiga item.

Secara keseluruhannya Kemahiran Komunikasi Interpersonal pensyarah-pensyarah kolej komuniti Ledang mempunyai tahap komunikasi yang sederhana dalam perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat.

## **6.0 PERBINCANGAN**

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah bagi melihat penguasaan kemahiran komunikasi khasnya komunikasi interpersonal pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Ledang dalam perlaksanaan kursus-kursus pendek pembelajaran sepanjang hayat. Melihat kepada kepentingan komunikasi dalam perlaksanaan pembelajaran samada secara lisan atau bukan lisan. Komunikasi yang baik dengan peserta kursus pendek dapat menjamin interaksi yang lebih mudah dan teratur. Selain daripada itu komunikasi yang baik antara pensyarah dengan peserta dapat menggalakkan penyertaan peserta kursus pendek (Laporan ePSH).

Dapatan kajian ini menunjukkan responden menguasai kemahiran komunikasi interpersonal, komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan semasa sesi pembelajaran pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan kemahiran interpersonal adalah kemahiran untuk berinteraksi dengan orang lain dimana ia menyokong pernyataan Gardener (1993) dalam Faridah dan Lilia (2002). Kemahiran interpersonal merupakan kemahiran yang sangat penting bagi pensyarah-pensyarah kolej komuniti kerana mereka perlu berinteraksi dengan sangat baik bagi menarik minat peserta kursus pendek untuk mengikuti kursus pendek lain yang dianjurkan oleh kolej komuniti dari semasa ke semasa. Pensyarah yang ramah dan mudah mesra akan menjadi tempat rujukan peserta yang terdiri daripada komuniti setempat. Secara tidak langsung peserta akan kerap berhubung dengan pensyarah-pensyarah kolej dan peserta tidak kekok untuk bertanya berkaitan kursus-kursus yang dianjurkan oleh kolej komuniti.

Dapatan kajian dari analisis peratusan bagi komunikasi lisan juga menunjukkan tahap komunikasi lisan responden yang tinggi dalam perlaksanaan pembelajaran sepanjang hayat. Komunikasi lisan sangat penting bagi mewujudkan situasi yang baik di dalam kelas atau bengkel.

Komunikasi yang baik antara pensyarah dan peserta dapat menarik minat peserta dalam sesi pembelajaran. Ab Rahman (1996) telah merumuskan dari Flander (1970) dua pertiga proses pembelajaran di dalam kelas adalah melibatkan komunikasi pensyarah. Ia termasuklah ketika pensyarah menyampaikan pembelajaran dan memberi arahan kepada peserta kursus. Dalam kajian Ab Rahman (1996), mendapati sifat mesra, peramah dan humor adalah antara sifat yang disukai oleh pelajar/peserta kursus. Dapatan kajian ini secara tidak langsung telah menyokong kajian Ab Rahman (1996). Skor min yang tinggi bagi komunikasi lisan ini menunjukkan komunikasi responden dengan peserta adalah baik dan berkesan serta dapat menjalin hubungan selepas kursus yang baik.

Dapatan kajian bagi tahap komunikasi lisan dalam perlaksanaan pembelajaran mencatat nilai peratusan yang paling tinggi berbanding komunikasi interpersonal dan komunikasi bukan lisan. Kajian berkaitan komunikasi interpersonal dan komunikasi bukan lisan penting kerana ia juga merupakan salah satu bentuk komunikasi dalam proses pembelajaran. Dalam kehidupan seharian secara sedar atau tidak kita menggunakan komunikasi bukan lisan. Dapatan ini juga

telah menyokong kajian Ab Rahman (1996) yang menyatakan komunikasi semasa proses pembelajaran boleh berlaku secara lisan dan bukan lisan. Ini juga cara berkomunikasi yang dipersetujui oleh responden kepada peserta kursus pendek.

## **7.0 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Ledang mempunyai tahap kemahiran yang sederhana dalam kemahiran komunikasi interpersonal, lisan dan bukan lisan. Komunikasi berkesan adalah kemahiran dalam menyampaikan maklumat, idea, pengetahuan dan kemahiran tanpa ada salah faham atau kekeliruan pada penerimanya. Media dan bahasa yang digunakan dalam komunikasi juga penting. Kombinasi kemahiran komunikasi berkesan dengan media yang digunakan dapat membantu mencapai tujuan komunikasi. Menjadi tanggungjawab pensyarah untuk mengamalkan komunikasi berkesan melalui pelbagai cara komunikasi bagi memastikan pembeajaran sepanjang hayat di kolej komuniti mendapat sambutan yang baik. Selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Peletakan Asas Melangkaui 2020 Dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yangmenyenarikan pembelajaran sepanjang hayat salah satu agenda negara dengan menetapkan strategi-strategi tertentu agar dapat mencapai objektif kementerian iaitu meningkatkan modal insan negara yang mahir dan berpengetahuan, memiliki kemahiran yang mudah dilentur dan mudah diubahsuai serta mampu meningkatkan pengetahuan dan menambah baik kemahiran melalui pembelajaran sepanjang hayat untuk menjamin kerelevanannya ilmu dan kemahiran serta kebolehpasaran peserta.

Hasil dari kajian ini, kajian yang berkaitan dengan hubungan kemahiran komunikasi dengan kaedah pengurusan PSH bagi mengetahui pihak pengurusan mengendalikan kursus yang ditawarkan kepada peserta boleh dilaksanakan. Kajian tersebut akan dapat meningkatkan dan mengesahkan apakah kaedah yang sesuai untuk digunakan bagi menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat di kalangan masyarakat sekitar kolej komuniti.

## **Rujukan**

- Ab. Rahman Abu Bakar (1996). "Komunikasi Bilik Darjah". Kelantan: Jurnal Akademik, Maktab Perguruan Kota Bahru, Pengkalan Chepa.
- Azreen, A.T. & Fahimah,J.(2014). "Tinjauan Kursus Pendek Kolej Komuniti Pasir Gudang Terhadap Komuniti Setempat." Prosiding Seminar Penyelidikan & Pertandingan Inovasi Kolej Komuniti Negeri Johor 2014.ms 212-215.
- Badarudin, K. (2014). "Pengurusan Maklumat Pendidikan Sepanjang Hayat." Journal Pembelajaran Sepanjang Hayat Jabatan Pengajian Kolej Komuniti 2014. 246-263
- Bienvenu, M. J., Sr. (1971). "An Interpersonal Communication Inventory." The Journal of Communication, 21(4), 381-388.
- Faridah Serajul Haq dan Lilia Halim (2002). "Development Of Interpersonal Skill Among Trainee Teachers". Volume 1. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Hashim Fauzy Yaacob, (1995). "Faktor Komunikasi dan hubungannya dengan stres di kalangan kakitangan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai." Master Sains, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor
- Jabatan Pengajian Politeknik, (2013). Laporan Kajian: Peranan Kolej Komuniti KPM Kepada Masyarakat Setempat.

Jamunarani Muthusamy (2014). "Penglibatan Komuniti Dalam Kursus Pendek Anjuran Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti." Jurnal 2014 Pembelajaran Sepanjang Hayat Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Putrajaya.

Laporan ePSH <https://online.jpkk.edu.my>

M. Al.Muzzammil Y. & Kamariah M.

[http://eprints.utm.my/11912/1/Komunikasi\\_Interpersonal\\_Guru\\_Besar\\_Dan\\_Komitmen\\_Guru\\_Di\\_Sekolah\\_Rendah\\_Zon\\_Maharani\\_Muar](http://eprints.utm.my/11912/1/Komunikasi_Interpersonal_Guru_Besar_Dan_Komitmen_Guru_Di_Sekolah_Rendah_Zon_Maharani_Muar) dicapai pada 20 Jun 2017.

Mohd Safiee, H. I., Hj Ashari, S., Siti Zahara, M. A., Mohd. Zaid, M., Ahmad Rizal, M.R., & Latifah, M. A. (2008). "Komunikasi Interpersonal Dalam Pengajaran Di Kalangan Guru-Guru Teknikal Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Melaka." Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)

Razzatul Iza Zurita, R., Norazila, A. & Amier Hafizun, A. R (2013)." Cabaran Pengurusan Pembelajaran Sepanjang Hayat Ke Arah Memperkasakan Kolej Komuniti: Satu Tinjauan Di Kolej Komuniti Ledang."

Syarifah Masitah, S. S., Fadzillah, M. Y. & Nordin, S. (2014). "Tinjauan Kursus Pendek Kolej Komuniti pasir Gudang Terhadap Golongan Tahfiz di Kawasan Pasir Gudang." Journal Pembelajaran Sepanjang Hayat Jabatan Pengajian Kolej Komuniti 2014. 107-119.

Syahrir, A. S., Noorsafuan, C. N. & Amer Hafizun A. R. (2011)."Pelaksanaan Kursus Pendek, Jabatan Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Ledang: Penelitian Terhadap Masalah."

Tay Meng Huat.(2013), Komunikasi Interpersonal Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pendidikan Guru Semasa Praktikum. Jurnal Penyelidikan IPG KBL, Jilid 11, 2013.